

26/06/1998

Cadangan tarif baru khidmat kontena

PERSATUAN Pengangkutan Kontena Malaysia (Cham) akan mengesyorkan kepada kerajaan struktur tarif baru perkhidmatan pengangkutan kontena sebelum akhir tahun ini, kata presidennya Mirzan Mahathir.

Menurutnya, Cham dan Universiti Teknologi Malaysia sedang melaksanakan kajian bagi menentukan kadar baru itu yang menurutnya akan lebih sepadan dengan kos operasi yang ditanggung oleh anggota persatuan itu.

Struktur tarif itu akan menggantikan struktur lama yang digunakan sejak 25 tahun lalu.

Mirzan yang juga Pengerusi Eksekutif Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) berkata antara peningkatan kos yang sudah dialami pengangkut kontena ialah kos kepala lori yang diimport atau dipasang di dalam negara yang sudah meningkat kira-kira 50 peratus berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat agung tahunan Cham di Kuala Lumpur semalam, kelima-lima syarikat ahli Cham turut menerima kesan besar daripada penurunan jumlah kontena yang dikendalikan melalui Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Pasir Gudang berikutan kegawatan ekonomi.

Katanya, jumlah perdagangan kontena merosot tujuh peratus daripada 406,178 TEU (seunit kontena berukuran panjang 20 kaki) kepada 377,817 TEU dengan penurunan 10.5 peratus pada April dan 12 peratus pada Mei berbanding tahun lalu.

"Bagi persatuan, sekarang adalah masa yang amat sukar. Apa yang diperlukan ialah kerjasama sesama ahli dan mengharapkan persaingan tidak akan memberi kesan buruk jangka panjang kepada industri," katanya.

Mirzan berkata, sektor import terus merosot sehingga 23 peratus dari segi TEU dalam suku pertama tahun ini dengan penurunan 25.2 peratus pada April dan 29.7 peratus pada Mei berbanding tahun sebelumnya.

Sektor eksport pula meningkat 5.7 peratus dari segi TEU dalam suku pertama tahun ini dan berharap ia akan meningkat dalam separuh tahun kedua seperti kebiasaannya walaupun tiada tanda-tanda jelas.

"Ia mengambil masa untuk pekilang mendapatkan kontrak baru berdasarkan harga baru dan saya anggap mereka sudah melakukan dalam masa enam bulan sebelum ini untuk penghantaran dalam separuh tahun kedua," katanya.

Terdahulu, pada mesyuarat agung, Datuk Badri Masri dilantik sebagai ahli biasa persatuan menggantikan Loo Hooi Keat manakala semua penyandang jawatan lain dikekalkan.

(END)